

Aplikasi Rentak Lagu “Children Rhymes” Dalam Mengingati Perkataan Arab Bagi Mahasiswa Kejuruteraan Universiti Malaysia Pahang.

Oleh: Rosjuliana Hidayu Binti Haji Rosli

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa pertuturan baik di negara-negara Arab dan menjadi bahasa pertuturan di negara selainnya. Untuk mahir berbahasa arab seseorang individu itu perlu memahami bahasa tersebut. Pengajaran bahasa arab kepada bukan penutur jati memerlukan pendekatan dan teknik yang tertentu. Di Universiti Malaysia Pahang, penguasaan bahasa arab menjadi salah satu masalah utama bagi pelajar kejuruteraan khususnya yang mengambil kursus bahasa arab sebagai pilihan. Kursus Bahasa arab di Universiti Malaysia Pahang di bahagikan kepada dua tahap iaitu tahap permulaan yang disebut sebagai Arabic For Beginners dan juga tahap kedua yang disebut Arabic For Intermediate. Ramai di kalangan mereka mempunyai masalah dalam mengingati sesuatu perkataan atau kalimah arab dan juga mereka sukar untuk memahami perkataan arab yang diajar ketika sesi pembelajaran. Sebagai salah satu jalan penyelesaian kepada masalah tersebut, kaedah pembelajaran dan pengajaran melalui teknik berlagu menggunakan rentak lagu kanak-kanak inggeris “Children Rhymes” yang popular dan biasa didengari dilakukan ketika sesi pembelajaran kelas bahasa arab tahap permulaan (Arabic For Beginners) . Kajian tertumpu kepada kebolehan pelajar mengingati setiap kalimah arab yang diajar, dari segi hafalan perkataan dan ayat. Teknik ini bukan sahaja membantu pelajar mengingati perkataan bahasa arab yang dipelajari malah dapat menimbulkan keseronokan mempelajari bahasa “ardul kinanah” ini.

Kata kunci: Bahasa arab, Ardul kinanah: bumi gudang anak panah